

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Jaminan Insurans Pekerja Asing (FWIG). Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

Jaminan Insurans Pekerja Asing

1. Apakah produk ini?

Ini merupakan jaminan yang diperlukan oleh Jabatan Imigresen daripada anda sebagai cagaran perlindungan untuk penggajian pekerja asing (tidak termasuk Pembantu Rumah Tangga) di bawah Peraturan 21 dari Peraturan Imigresen.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Insurans ini berfungsi sebagai jaminan kepada Jabatan Imigresen bagi melindungi kos penghantaran pulang sekira pekerja anda diperlukan oleh pihak berkuasa untuk dihantar pulang ke Negara asalnya semasa tinggal di Malaysia.

Keadaan ini boleh timbul dari:-

- Pelanggaran undang-undang Imigresen
- Pekerja anda ditangkap terlibat dalam kegiatan haram dan dilarang seperti dadah, pekerjaan tidak bermoral, dll.
- Syarikat anda dibubarkan dan tidak mampu untuk menyediakan laluan pulang untuk pekerja.

3. Berapa banyak yang perlu saya insuranskan?

Jumlah dan tempoh jaminan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Imigresen bergantung pada kewarganegaraan pekerja.

4. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium yang dikenakan akan berubah-ubah bergantung pada kewarganegaraan pekerja anda, dan keperluan pengunderaitan kami. Polisi ini tertakluk kepada kadar minimum 1% setahun atas jumlah jaminan dan premium minimum RM50.

5. Apakah kadar dan caj yang perlu saya bayar?

Selain daripada premium, anda perlu membayar:	Jumlah
a. Cukai Barang dan Perkhidmatan	0% daripada Premium
b. Duti Setem	RM10.00

Premium yang mesti dibayar adalah termasuk komisen yang dibayar kepada perantara, jika ada, berjumlah pada 10% daripada premium.

6. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

- **Kewajipan Pendedahan** – Anda mesti mendedahkan semua fakta-fakta yang mana anda ketahui atau harus ketahui yang akan mempengaruhi pertimbangan pengunderaitan polisi anda.

Anda mesti memastikan yang borang cadangan siap dengan tepat kerana ia merupakan asas kepada kontrak insurans anda.

- **Bayaran sebelum diinsuranskan** – Premium penuh mesti dibayar kepada kami atau agen-agen kami sebelum tarikh bermulanya insurans.

7. Bolehkah saya batalkan polisi saya?

- Tidak, jika jaminan telah diberikan kepada Jabatan Imigresen.
- Ya, jika jaminan tidak diberikan kepada Jabatan Imigresen dan salinan asal jaminan telah dipulangkan kepada kami untuk pembatalan. Premium akan dipulangkan tanpa duti setem.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perihal saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pada kami tentang sebarang perubahan butiran perihal anda bagi memastikan segala surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.



MPI Generali Insurans Berhad (14730-X)

9. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans ini atau mana-mana jenis produk insurans, anda boleh menghubungi kami atau ejen insurans anda atau layari laman web kami di www.mpigenerali.com

MPI Generali Insurans Berhad

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia)

8th Floor, Menara Multi-Purpose

Capital Square,

8, Jalan Munshi Abdullah

50100 Kuala Lumpur

Tel : 03-2034 9888

Fax: 03-2694 5759

Email: generalienquiries@mpigenerali.com

10. Lain-lain jenis perlindungan insurans yang berkaitan?

- Skim Pampasan Pekerja Asing
- Skim Kemasukan Hospital dan Pembedahan Pekerja

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN PERLINDUGNAN, PENGECUALIAN DAN PEMBATASAN FAEDAH-FAEDAH YANG DITEGASKAN INI ADALAH TIDAK LENGKAP. KETERANGAN PENUH ADALAH YANG TERDAPAT PADA INSURANS KONTRAK.

ANDA HARUS MEMUASKAN DIRI IAITU POLISI INI AKAN MEMENUHI KEHENDAK ANDA YANG TERBAIK. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU MENGHUBUNGI KAMI TERUS UNTUK KETERANGAN LANJUT.

Maklumat disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/06/2018.